AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL

# Lelaki halang ambulans kena saman

**Johor Bahru:** Seorang lelaki yang tidak memberikan laluan kepada sebuah ambulans di Kilometer 14 Lebuhraya Pasir Gudang, dekat sini, pagi kelmarin, telah dikenakan tindakan saman.

Ketua Polis Daerah Seri Alam Superintendan Mohd Sohaimi Ishak berkata pihaknya telah mengesan satu rakaman video berdurasi 47 saat pada jam 5.20 petang kelmarin menerusi media sosial yang memaparkan pemandu van jenis Toyota Hiace berusia 58 tahun menghalang laluan ambulans.

"Van berwarna putih itu dilihat tidak mengendahkan untuk memberikan laluan walaupun siren telah dibunyikan serta lampu mata arah telah diisyaratkan, hingga ambulans itu terpaksa memotong di lorong kiri.



PEMANDU van yang dikesan dalam satu video tular ketika tidak memberi laluan kepada ambulans dalam kejadian di Kilometer 14 Lebuhraya Pasir Gudang.

"Susulan itu, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Seri Alam telah mengesan pemandu berkenaan dan telah mengenakan tindakan saman RM300 kerana melakukan kesalahan mengikut Peraturan 9(2) Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 166/59 kerana tidak memberikan laluan kepada kenderaan polis/ambulans/bomba/penjara/kastam/jabatan Pengangkutan Jalan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata lelaki itu turut disiasat mengikut Seksyen 26(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana tidak memiliki lesen memandu vokasional (GDL) manakala semakan juga mendapati dia mempunyai tujuh saman kesalahan trafik namun tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah.



DR Dzulkefly meletakkan papan tanda 'Dilarang Merokok' pada premis makanan ketika Tinjauan Mesra Premis Bersih Bebas Asap (BeBas) di Jalan Alor.

# KKM pertimbang sedia kawasan khas merokok

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mempertimbang langkah menyediakan kawasan khas merokok khususnya bagi premis makanan di kawasan sempit.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata premis di kawasan sempit agak sukar bagi mematuhi jarak tiga meter untuk merokok yang dikuatkuasakan ketika ini.

"Kementerian Kesihatan mengambil pertimbangan hal ini, kita sedia maklum kalau tiga meter jarak (merokok) dari premis makanan, sudah hampir dengan premis lain.

"Kami pasti akan mempertimbang keperluan mengadakan tempat tertentu seperti negara maju lain iaitu Singapura, Jepun dan Hong Kong di mana mereka punya tempat yang diizinkan untuk merokok," katanya kepada pemberita pada Sesi Perjumpaan Meja Bulat sempena Program Tinjauan Mesra Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAs), kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau berkata perkara itu bukanlah satu langkah mengundur ke belakang sebaliknya bagi memastikan larangan merokok pada jarak tiga meter dari premis makanan dipatuhi.

"Kami akan ambil pertimbangan yang serius supaya kawasan sempit seperti di Jalan Alor, Bukit Bintang ada tempat khas untuk perokok," katanya.

> **"Kami pasti akan mempertimbang keperluan mengadakan tempat tertentu seperti negara maju"**

Dr Dzulkefly juga berkata Jalan Alor akan dijadikan sebagai model perintis bagi Kuala Lumpur Street Food yang mematuhi tahap kebersihan serta larangan merokok di premis makanan dan kawasan penjaja.

Beliau berkata justeru itu, program tinjauan mesra yang buat julung kalinya diadakan telah memilih Jalan Alor, yang merupakan pusat tarikan pelancong, dalam usaha memberi kefahaman, sokongan dan pemerhatian masyarakat terhadap usaha ini.

"Malam ini kita ambil langkah dekati pemilik untuk memastikan agenda kempen premis BeBAs dapat dijayakan.

"Sepanjang tinjauan mesra tadi juga, tiga premis telah mendapat pengiktirafan premis 'Bersih dan Selamat' (BeSS) ...program ini sudah pasti akan diperluas ke tempat lain seperti Putrajaya, Ipoh dan Pulau Pinang berlandaskan apa yang ada di Jalan Alor," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

Mengaku tidak bersalah 25 pertuduhan rasuah

# Juruteknologi HSA dituduh terima suapan

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Seorang juruteknologi makmal perubatan di Jabatan Patologi Hospital Sultanah Aminah (HSA) didakwa atas 25 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM16,150 antara 2019 hingga tahun lalu di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Tertuduh, Saifulamin Sabran, 52, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Berdasarkan kertas pertuduhan, dia didakwa telah bersetuju menerima suapan daripada enam individu antara RM500 hingga RM2,000 melibatkan jumlah keseluruhan RM16,150.

Kesemua wang suapan itu diterima secara dalam talian di enam lokasi bank berbeza sekitar Johor Bahru, Kota Tinggi, Kluang dan Kulai antara 17 Ogos 2019 hingga 19 Januari 2023.

Berikutan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Julaila Jamaludin mencadangkan mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM13,000 bagi semua pertuduhan.

Julaila turut meminta mahkamah menetapkan syarat tambahan iaitu tertuduh tidak boleh mengganggu saksi, perlu melapor diri sebulan sekali di Pejabat SPRM Johor Bahru dan menyerahkan pasport ke mahkamah.

Peguam tertuduh, Shaikh Saleem SM. Daud bagaimanapun meminta mahkamah mengurangkan wang jaminan kepada RM10,000 bagi semua pertuduhan.

"Tertuduh masih bekerja dan mempunyai tanggungan seorang isteri serta tiga anak. Tertuduh juga memberi kerjasama baik sepanjang kes ini berlangsung," ujarnya.

Mahkamah kemudian menetapkan RM10,000 sebagai jaminan dan kes disebut semula pada 21 April ini.



SAIFULAMIN didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam atas pertuduhan menerima suapan antara RM500 hingga RM2,000 sejak 2019 hingga tahun lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

# Perlu tambah doktor pakar kanser

SHAH ALAM – Tempoh menunggu untuk pesakit kanser mendapatkan rawatan di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) dapat dikurangkan dengan meningkatkan tenaga kerja profesional.

Ketua Divisyen Perkhidmatan Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Nisha Sanita Mohd Norfia berkata, walaupun KKM mempunyai sembilan hospital berkaitan kanser, namun pakar onkologi adalah terhad untuk menampung pesakit yang ramai.

Menurutnya, kebanyakan rawatan oleh pakar itu berada di pusat bandar utama yang mempunyai fasiliti lebih lengkap dan tenaga kerja mahir dalam mengendalikan pesakit tersebut.

"Kebanyakan situasi kes-kes kanser yang dirujuk (case to case basis) adalah dari luar bandar yang akan ambil masa untuk mendapatkan tarikh temu janji atau menunggu pakar melakukan lawatan mengikut hari ditetapkan.

"Kekurangan tenaga kerja mahir ini menyebabkan tempoh menunggu menjadi lama tetapi masa 30 hari merupakan satu perkembangan yang positif jika dibandingkan dengan sebelum ini.

"Ini kerana, sebelum ini tempoh tersebut mengambil masa antara dua hingga tiga bulan disebabkan sistem masih separa manual," katanya pada Ahad.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pesakit perlu menunggu sekurang-kurangnya paling lewat sebulan untuk mendapatkan rawatan, namun ia bergantung kepada tahap kesihatan dan keseriusan kes.


NISHA SANITA

Mengulas lanjut Nisha Sanita berkata, langkah lain yang boleh dilaksanakan ialah menaik taraf sistem temu janji melalui pendigitalan yang dilengkapi panggilan peringatan automatik.

"Ini dapat membantu melancarkan proses temu janji tanpa perlu menggunakan tenaga kerja yang ramai tetapi dalam masa sama memastikan tiada pesakit tercicir atau gagal mendapatkan temu janji.

"Teknologi rawatan kanser di Malaysia sememangnya setanding dengan negara-negara maju dan kami yakin pihak KKM sentiasa cakna serta melakukan usaha terbaik demi meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan negara," ujarnya.

# Pesakit kanser diramal tidak berkurang dalam tempoh 10 tahun

SHAH ALAM – Situasi penyakit kanser di negara ini diramal tidak berkurang, sebaliknya akan bertambah buruk dalam tempoh 10 tahun.

Pakar Perunding Kanan Onkologi dan Radioterapi, Pusat Kanser dan Radiosurgeri, Hospital Pakar KPJ Damansara, Dr Aminudin Rahman Mohd Mydin berkata, ia susulan tahap kesedaran rakyat Malaysia mengenai penyakit kanser masih rendah.

Menurutnya, pesakit lebih gemar mendapatkan rawatan alternatif terlebih dahulu sebelum dirujuk kepada pakar di hospital.

"Secara jujurnya situasi kanser di Malaysia kini semakin parah, kita ke belakang. Pada saya kes kanser dijangka akan semakin meningkat saban tahun," katanya pada Ahad.


DR AMINUDIN

Dr Aminudin Rahman berkata, banyak rawatan kanser moden dan terkini yang mampu menyembuhkan pesakit kanser.

"Peringkat awal boleh disembuhkan dengan mendapatkan rawatan di hospital. Jadi cadangan saya, buat ujian saringan awal dan mendapatkan rawatan perubatan moden di hospital supaya kanser dapat dikekang serta cepat sembuh," ujarnya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 15**
**RUANGAN : MAHKAMAH & JENAYAH**

# Pemandu van halang ambulans telah dikenakan tindakan - Polis

**PASIR GUDANG** - Pemandu van yang dipercayai menghalang laluan ambulans di Kilometer 14, Lebuh Raya Pasir Gudang pada Sabtu, telah diambil tindakan.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintenden Mohd Sohaimi Ishak berkata, kejadian berlaku pada jam 10.17 pagi dengan satu video yang turut dimuat naik di media sosial berhubung kejadian itu.

"Dalam video berkenaan, van jenis Toyota Hiace didapati tidak mengendahkan untuk memberikan laluan kepada ambulans yang telah membunyikan siren dan lampu.

"Akibatnya ambulans tersebut memotong lorong kiri. Pemandu van lelaki seorang lelaki tempatan berusia 39 tahun telah dikesan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Seri Alam," katanya dalam kenyataan pada malam Sabtu.

Menurut Sohaimi, semakan lanjut terhadap rekod pemandu van tersebut mempunyai tujuh saman trafik.

"Tindakan diambil mengikut Kaedah 9(2) LN166/59 iaitu tidak memberi laluan kepada kenderaan ambulans dan Seksyen 59(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

"Orang ramai diminta sentiasa patuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan," katanya.

Sebelum itu, satu rakaman video berdurasi 47 saat tular memaparkan sebuah van tidak memberi laluan kepada ambulans yang mengikuti di belakangnya.



Tangkap layar video tular van (depan) yang menghalang ambulans.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

# Perbanyak fasiliti rawatan kanser seluruh negara

Oleh YASMIN NATASHA HAIRUL



NEGARA perlu perbanyakkan fasiliti rawatan kanser negara bagi memastikan pesakit mempunyai harapan tinggi untuk sembuh.

**PETALING JAYA:** Kementerian Kesihatan (KKM) perlu memperbanyakkan fasiliti rawatan kanser di seluruh negara bagi memastikan pesakit mempunyai harapan lebih tinggi untuk sembuh.

Pengerusi Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, Dr. Murallitharan Munisamy berkata, ini kerana peluang pesakit kanser untuk pulih adalah tinggi kerana kaedah dan kualiti rawatan kanser pada hari ini berbeza jika dibandingkan dengan 10 atau 15 tahun yang lalu.

Namun, kata beliau, fasiliti khusus penyakit itu seperti Institut Kanser Negara sangat terhad sekaligus mengakibatkan ramai pesakit tidak mendapat rawatan dengan segera.

"Fasiliti sekarang tidak mampu untuk menampung jumlah pesakit. Kekurangan fasiliti itu juga mengakibatkan ada pesakit menghadapi masalah pengangkutan berikutan jarak hospital yang jauh," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, akhbar ini melaporkan, tempoh menunggu rawatan kanser di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil masa sebulan bergantung kepada tahap kesihatan pesakit.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pakar perubatan akan terus membuat surat rujukan kepada hospital KKM sebaik sahaja pesakit yang hadir didiagnos memerlukan rawatan susulan.

Mengulas lanjut, Dr. Murallitharan berkata, tempoh menunggu rawatan kanser selama 30 hari di fasiliti KKM bergantung kepada tahap kesihatan pesakit.

"Tempoh satu bulan itu tempoh yang biasa untuk pesakit dan tidak terlalu lama yang mana pesakit perlu didiagnos dahulu sebelum ditentukan jenis rawatan.

"Ini kerana penyakit kanser akan merebak secara perlahan dan doktor tahu rawatan apa yang terbaik bergantung kepada tahap pesakit," katanya.

Menurutnya, jika dahulu, pesakit yang lambat didiagnosis kanser seumpama tidak ada harapan untuk hidup.

"Namun, pada masa kini, kebanyakan pesakit yang mendapat rawatan dan diagnosis awal mampu kembali hidup seperti sedia kala bergantung kepada ubat-ubatan dan rawatan berkala," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 36
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Juruteknologi makmal HSA didakwa 25 pertuduhan rasuah

**JOHOR BAHRU:** Seorang Juruteknologi Makmal Perubatan di Jabatan Patologi Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini didakwa atas 25 pertuduhan menerima rasuah antara 2019 hingga tahun lalu.

Walau bagaimanapun, Saifulamin Saban, 52, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan kertas pertuduhan, dia didakwa bersetuju menerima suapan daripada enam individu antara RM500 hingga RM2,000 melibatkan jumlah keseluruhan RM36,150.

Kesemua wang suapan itu diterima secara dalam talian di enam lokasi bank di sekitar Johor Bahru, Kota Tinggi, Kluang, dan Kulai antara 17 Ogos 2019 hingga 19 Januari 2023.

Dia didakwa di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Julaila Jamaludin mencadangkan mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM13,000 bagi semua pertuduhan.

Julaila turut meminta mahkamah menetapkan syarat tambahan, iaitu tertuduh tidak boleh mengganggu saksi, perlu melaporkan diri sebulan sekali di Pejabat SPRM Johor Bahru dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Walau bagaimanapun, peguam bela tertuduh, Shaikh Saleem SM Daud meminta mahkamah mengurangkan wang jaminan kepada RM10,000 bagi semua pertuduhan.

"Tertuduh masih bekerja dan mempunyai tanggungan seorang isteri serta tiga anak. Tertuduh juga memberi kerjasama baik sepanjang siasatan kes ini berlangsung," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 37
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Pemandu van halang ambulans miliki tujuh saman

**JOHOR BAHRU:** Pemandu van yang tidak memberi laluan kepada sebuah ambulans di Kilometer 14, Lebuhraya Pasir Gudang, di sini mempunyai tujuh saman kesalahan trafik.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintenden Mohd. Sohaimi Ishak berkata, pihaknya telah mengesan satu rakaman video berdurasi 47 saat dalam media sosial yang memaparkan pemandu van jenis Toyota Hiace menghalang laluan ambulans, semalam.

"Menerusi rakaman tersebut, kejadian itu berlaku pukul 10.17 pagi menunjukkan pemandu van itu tidak mengendahkan untuk memberikan laluan kepada ambulans yang membunyikan siren dan lampu.

"Ini menyebabkan pemandu ambulans tersebut terpaksa memotong melalui lorong kiri," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd. Sohaimi berkata, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Seri Alam telah mengesan pemandu kenderaan berusia 38 tahun itu dan telah mengeluarkan saman RM300 terhadap lelaki tersebut.

Lelaki itu turut disiasat di bawah Seksyen 56(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana tiada lesen memandu vokasional (GDL).

"Semakan rekod pemandu tersebut mendapati dia mempunyai tujuh saman kesalahan trafik namun tiada rekod kesalahan jenayah lampau.

"Polis menasihatkan orang ramai agar sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan," katanya.

**AKHBAR** : NEW STRAITS TIMES
**MUKA SURAT** : 1
**RUANGAN** : MUKA HADAPAN




# 'NEW SMOKING ZONES ABSURD'

THE government may allow smoking areas outside food outlets located in 'tight spaces'. It's not a regressive step, says the health minister. But a former deputy health minister and a public health expert insist a wrong message is being sent to the people.

- One restaurant association claims new zones can help smokers become more disciplined
- But another group says: 'Please don't flip-flop'

» REPORTS BY **NURADZIMMAH DAIM** AND **HAKIM MAHARI** ON **PAGE 3**

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION / NEWS

25 COUNTS

# LAB WORKER CHARGED WITH GRAFT

## Johor hospital worker charged with accepting RM16,150 in bribes between 2019 and last year

JASMINE SHADIQE
JOHOR BARU
news@nst.com.my

A SULTANAH Aminah Hospital medical laboratory technologist pleaded not guilty to 25 charges of accepting bribes totalling RM16,150 at the Sessions Courts here yesterday.

Saifulamin Sabran, 52, who is attached with the Pathology Department, was charged with accepting the bribes between 2019 and last year before judge Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Saifulamin was accused of allegedly receiving the RM16,150, to six bank transfers from intermediaries between Aug 17, 2019, and Jan 19, 2023.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) deputy public prosecutor Julaila Jamaludin proposed a RM13,000 bail for all 25 charges with three additional conditions.

The conditions were for the accused or his representatives to refrain from interfering with witnesses, for him to report to the commission's Johor Baru office once a month, and to surrender his passport to the court.

The defendant's counsel, Shaik Saleem S.M. Daud, requested a reduction in bail, citing the defendant was his family's sole breadwinner, while his wife was unemployed, and that they had three children.

The court granted a bail of RM10,000 for all charges with one guarantor and imposed the three additional conditions.

The *New Straits Times* had reported that three police officers from the Narcotics Crime Investigation Department were arrested by the MACC for allegedly bribing a pathologist at Sultanah Aminah Hospital to falsify reports.

State Health and Unity Committee chairman Ling Tian Soon had said the Pathology Department underwent a digital transformation, implementing strict procedures to boost operations and prevent corrupt practices.



*Saifulamin Sabran is accused of receiving bribes of RM16,150 in six bank transfers.*

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION



# Lab tech denies charges in urine-tampering case

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

JOHOR BARU: A medical laboratory technologist was slapped with 25 charges of receiving bribes worth RM16,150 at the Sessions Court here in relation to the urine-tampering case.

Saifulamin Sahran, 52, however, pleaded not guilty after the charges were read before judge Ahmad Kamal Arifin Ismail yesterday.

According to the charge sheet, the accused, who worked at Hospital Sultanah Aminah's (HSA) Pathology Department, had agreed to receive payment from six bank account holders who acted as middlemen.

The middleman had received money from another six different individuals who transferred between RM500 and RM2,000, paid between Aug 17, 2019 and Jan 19, 2021.

The payments were made at two banks in six different branches around Johor Baru, Kota Tinggi, Kulai and Simpang Renggam.

The offence was framed under Section 165 of the Penal Code for allegedly obtaining valuable things without consideration from a person concerned with his official function, which carries a jail term of up to two years, a fine, or both.

Malaysia Anti-Corruption Commission (MACC) prosecution officer Fatin Farhana Ismail and deputy public prosecutor Julaila Jamaludin prosecuted, while the accused was represented by Shaik Saleem SM Band.

During the proceedings, Fatin Farhana requested bail to be set at RM13,000 with three additional terms.

The terms were not to disturb any witnesses to the case, report himself every month to the Johor Baru MACC office, and to hand over his international passport to the court.

Shaik Saleem, in mitigation, requested a lower bail, saying that the accused is currently taking care of his three children and an unemployed wife.

The court set bail at RM10,000 and April 21 for the case mention. The accused paid the bail.

*The Star* had previously reported that a medical staff member working with a pathology department at a government hospital in Johor Baru was at the centre of an extensive network involved in providing tampered urine samples in substance abuse cases for a fee of between RM500 and RM1,500.

Caught in the web were 33 policemen of various ranks from almost all of Johor's 13 police districts.

Investigations revealed that the network had been operational since 2018.

The incident also resulted in the reshuffling of almost 10 medical personnel from HSA's Pathology Department.



**Not guilty plea:** Saifulamin (centre) being led out of the Sessions Court in Johor Baru. — Bernama

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 2**
**RUANGAN : NATIONAL**

# Smoking areas mulled for eateries with space constraints

**KUALA LUMPUR:** The Health Ministry will consider providing designated smoking areas outside dining premises, especially for those located in tight spaces.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said this is because for such eateries, it is difficult to adhere to the three-metre distance currently required.

"We will certainly consider the need to establish designated areas or specific places, as seen in other developed countries such as Singapore, Japan and Hong Kong where they have permitted smoking areas."

He said this after a roundtable meeting held in conjunction with the Clean, Smoke-Free Premises Walkabout Programme on Saturday.

"We will seriously consider places in tight spaces like Jalan Alor in Bukit Bintang here to establish special areas for smokers.

"It's not a backward or regressive step but to ensure that they do not smoke, or violate the three-metre ban that is being enforced." – Bernama

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 5**
**RUANGAN : NATIONAL**

# Man fined for obstructing ambulance

**JOHOR BAHRU:** A man, who obstructed an ambulance's path at Km14 of the Pasir Gudang Highway, near here on Saturday morning, has been issued with a fine.

Seri Alam district police chief Supt Mohd Sohaimi Ishak said police came across a 47-second video clip at 3.30pm on Saturday on social media, showing a van driver obstructing the ambulance's path.

"The white van was seen ignoring the ambulance, even though the siren and signal lights were turned on, forcing the ambulance to overtake the vehicle using the left lane.

"The Seri Alam District Traffic Investigation and Enforcement Division tracked down the driver and issued him a RM300 fine for committing an offence under Rule 9(2) of the Road Traffic Rules 166/59, for refusing to give way to a police vehicle/ambulance/Fire and Rescue Department/Prisons Department/Customs Department/Road Transport Department vehicles," he said in a statement yesterday.

He added that the 38-year-old man was also investigated under Section 35(1) of the Road Transport Act 1987 for not having a Goods Driving Licence. Checks also found that the man had seven summonses for traffic offences, but no criminal records. – Bernama

**AKHBAR** : THE SUN
**MUKA SURAT** : 6
**RUANGAN** : NATIONAL

# 'No proof of 5G causing health issues'

Exposure to non-ionising electromagnetic radiation can cause thermal effects, but not enough to damage human tissue, says local university professor

**KUALA LUMPUR:** Fifth generation wireless (5G) is the latest mobile phone technology that provides high-speed wireless connections.

First deployed in 2019, 5G opens new use cases in the Internet of Things due to its high bandwidth and low latency.

It enhances the performance of wireless connections and offers a wide range of new applications, including strengthening e-Health such as telemedicine, remote surveillance and telesurgery.

Communications Minister Fahmi Fadzil said as of Jan 1, 80.2% of the country's 5G coverage has been achieved in populated areas, Bernama reported.

However, the rollout of 5G using super high-frequency radio airwaves has raised concerns over the increase of total exposure to radiofrequency radiation.

"If you are worried about electromagnetic radiation causing cancer or other health problems, all you have to do is to find out everything you need to know about how 5G works.

"So far, there are no concrete evidences or conclusive findings that prove 5G could cause health problems," said Universiti Teknologi Malaysia (Faculty of Electrical Engineering) Prof Emeritus Dr Tharek Abd Rahman.

Tharek, who is also an advisor for the Malaysian Communications and Multimedia Commission Academy, said 5G uses electromagnetic wave with higher frequencies than previous wireless networks including 4G and 3G, making it faster and more efficient.

He also said it is 10 times faster as it delivers an average speed of 10 to 20 Gigabit per second (Gbps), compared with 4G that delivers 1 Gbps.

"The 5G mobile broadband will be able to support up to a million connected devices per square kilometre, compared with 4G that only supports 10,000 per square kilometre."

On the misconception that 5G causes health problems, he said everyday devices such as radios, microwaves, mobile phones, remote controls and ultrasound instruments emit non-ionising radiation, which poses no threat to health.

"Radiofrequency Electromagnetic Fields is categorised under non-ionising radiation, which means the electromagnetic waves do not carry enough quantum that could break bonds between molecules and ionise atoms, compared with ionising radiation.

"Exposure to non-ionising radiation would only cause thermal effects, but not enough to cause long-term defect to human tissue. Ionising radiation is more capable of causing health issues.

"Some examples that are categorised as ionising radiation are X-rays and Gamma light, which are used for medical purposes."

He said sunlight can be more harmful to health due to its ultraviolet rays, compared with everyday devices or telco towers that are built in residential areas.

"Radiation from the sun is a thousand times stronger than radiation emitted by these devices, which can also cause skin cancer," Tharek said.

Sunway Medical Centre haematologist Datuk Dr Chang Kian Meng advised the public, especially those who are consistently exposed to radiation from electronic devices such as computers, to take precautions and limit their exposure.

"I believe it is a good practice to minimise exposure to environmental chemicals and pollutants as a preventive measure against cancer.

"I do not think there is a clear correlation to assert that excessive use of mobile phones can cause brain cancer or that prolonged use of computers with radiation can lead to cancer," Chang said.